



Ruj. Kami : JANM.BPOPP.600-15/14/3 Jld.3( 12 )  
Tarikh : 24 April 2019

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian  
Pengaruh JANM Negeri/ Cawangan

YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

## PANDUAN LARIAN GAJI MEI 2019 BAGI PEKERJA BERGAJI HARI

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada tarikh pembayaran gaji yang telah ditetapkan, tarikh pembayaran gaji pekerja bergaji hari adalah selepas cuti umum Hari Raya Aidilfitri yang jatuh pada 5hb dan 6hb Mei 2019. Sehubungan dengan itu, adalah ditetapkan bahawa tarikh pembayaran gaji pekerja bergaji hari seperti Pegawai Sambilan Harian (PSH) bagi bulan Mei 2019 untuk tempoh bekerja 2 Mei 2019 (1 Mei – Cuti umum) sehingga 24 Mei 2019 akan diawalkan iaitu dibayar pada 30 Mei 2019. Manakala baki hari bekerja bagi bulan Mei 2019 iaitu bagi tempoh 27 Mei hingga 31 Mei 2019 dibayar bersama gaji bulan Jun 2019. Ini bagi memastikan pembayaran gaji pekerja bergaji hari sehingga 24 Mei 2019 dapat dibayar sebelum perayaan Aidilfitri.

3. Bersama-sama ini dikemukakan Panduan Larian Gaji Mei 2019 bagi pekerja bergaji hari yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), JANM untuk tindakan dan rujukan Pejabat Perakaunan selanjutnya. Kerjasama YBrs. Dr/ Tuan/ Puan mematuhi panduan yang diedarkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"*

Saya yang menurut perintah,

(MOHD REDZUAN BIN HASAN C.A.(M))

Pengaruh  
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan  
b.p Akauntan Negara Malaysia  
Samb. Tel: 1626  
Emel: [redzuanh@anm.gov.my](mailto:redzuanh@anm.gov.my)

## PANDUAN LARIAN GAJI MEI 2019 BAGI PEKERJA BERGAJI HARI

Tatacara ini disediakan sebagai panduan kepada Pejabat Perakaunan untuk larian gaji bulan Mei 2019 bagi pekerja bergaji hari.

### KAEDAH PELAKSANAAN

1. Pembayaran gaji untuk pekerja bergaji hari bagi bulan Mei 2019 diawalkan pembayaran pada 30 Mei 2019 bagi mengambil kira cuti perayaan iaitu Hari Raya Aidilfitri pada 5hb dan 6hb Jun 2019.
2. Gaji bulan Mei 2019 bagi pekerja bergaji hari bagi tempoh bekerja 02 Mei 2019 (1 Mei – Cuti umum) sehingga 24 Mei 2019 akan dibayar pada 30 Mei 2019 . Manakala baki hari bekerja bulan Mei 2019 bagi tempoh bekerja 27 Mei sehingga 31 Mei 2019 akan dibayar bersama gaji bulan Jun 2019.
3. Berikut adalah jadual bagi larian gaji Mei 2019 bagi pekerja bergaji hari.

Bil	Perkara	Tindakan	Tarikh
i.	Kunci masuk bagi tempoh bekerja 02/05/2019 - 25/05/2019	PTJ	25 - 28/05/2019
ii.	Larian gaji Mei 2019	AO	28/05/2019
iii.	CIPE, F110 dan ZIAP512. Tarikh bayaran : 30/05/2019	AO	28 - 29/05/2019
iv.	Bayaran gaji bagi tempoh bekerja 27/05/2019 - 31/05/2019	PTJ	Mulai 01/07/2019 (Bersama gaji Jun 2019)

Disediakan oleh:

Team HCM

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

17 Mei 2018

s.k

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

---

Pengarah  
Bahagian Khidmat Perunding  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia